

## **BENTUK KERTAS SOALAN**

Kertas Amali Rekaan Fesyen Dan Membuat Pakaian 8864/1 merupakan soalan yang tiada pilihan, wajib dijawab oleh semua calon. Masa yang diperuntukkan untuk ujian amali ini ialah tiga (3) jam sahaja.

## **PRESTASI KESELURUHAN**

Secara keseluruhan prestasi calon didapati meningkat jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Bilangan calon yang memperolehi markah kumpulan tertinggi semakin bertambah, Calon telah dapat membuat ujian dengan baik dan telah menunjukkan hasil kerja yang bermutu tinggi pada projek yang telah disiapkan disetiap proses ujian yang ditentukan. Keseluruhan calon telah dapat menguasai kemahiran dan teknik menjahit pada setiap proses jahitan dengan betul mengikut situasi ujian yang diperlukan. Walau bagaimanapun terdapat sebilangan kecil calon yang masih belum dapat menguasai kemahiran dan teknik menjahit dengan baik dan tidak dapat menunjukkan mutu hasil kerja yang baik.

## **PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

### **Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon dalam kumpulan ini telah dapat membuat ujian dengan cemerlang di setiap peringkat mengikut kehendak ujian dengan tepat. Projek ujian yang dihasilkan telah menunjukkan hasil mutu kerja yang tinggi. Projek telah dijahit dengan kemas, tepat dan bersih disetiap proses jahitan yang dikehendaki seperti kelim, kolar, lengan padanan, dan kelepak. Saiz projek yang dihasilkan adalah sama seperti pola yang telah disediakan. Projek telah ditekan dengan baik keseluruhannya dan ini telah menampakkannya lebih bermutu. Sejumlah besar calon termasuk dalam kumpulan ini.

### **Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Calon dalam kumpulan ini telah membuat ujian dengan cemerlang keseluruhan tetapi terdapat sedikit hasil kerja yang tidak mencapai tahap seperti yang dikehendaki diproses yang tertentu iaitu proses kolar dan lengan padanan yang memerlukan kemahiran dan teknik menjahit yang tinggi.

### **Calon Dalam Kumpulan Rendah**

Sejumlah kecil sahaja calon yang termasuk dalam kumpulan ini. Projek yang dihasilkan tidak lengkap, terdapat bahagian kecil pakaian yang tidak tercantum seperti lengan dan kolar. Hasil kerja tidak bermutu seperti yang dikehendaki dan tidak ditekan dengan rata. Saiz projek siap tidak sama dengan saiz sebenar apabila diukur mengikut pola yang disediakan.

## **PRESTASI TERPERINCI**

### **Soalan 1. Penyerahan**

Prestasi calon pada keseluruhannya adalah cemerlang. Calon telah menyerahkan projek ujian dengan baik, dan dilipat dengan kemas. Projek telah ditekan dengan rata, kemas dan bersih. Tidak terdapat perca fabrik atau reja benang dan kesan kotor. Label telah dijahit dengan baik ditempat yang sesuai. Sejumlah kecil sahaja yang membuat kesilapan seperti tidak menjahit label dengan baik,tidak melipat dan menekan hasil ujian dengan kemas .

### **Soalan 2. Menggunting**

Prestasi calon keseluruhan cemerlang. Calon telah dapat menggunting dengan baik mengikut arahan susun atur pola yang telah disediakan. Ini dapat diukur dengan saiz projek yang dihantar adalah mengikut ukuran sebenar. Tepi fabrik terletak di bahagian tengah belakang dan tepi lapik seperti yang dikehendakki ujian. Sebilangan kecil calon sahaja yang telah melakukan kesilapan seperti tidak menggunting bahagian tengah belakang dan tepi lapik pada tepi fabrik.

### **Soalan 3. Mencantum**

#### **3.1. Penghilangan gelembung**

Prestasi keseluruhan adalah cemerlang. Calon telah dapat membuat kedut lepas dengan baik,serata dan seimbang mengikut kedudukan yang telah ditetapkan. Kedut tergantung dengan elok dan tidak terdapat kesan terlipat, tertekan dan terkumpul. Sebilangan kecil calon sahaja yang tidak dapat menghasilkan kedut lepas dengan baik kerana terdapat kesan terlipat, tertekan dan kedut terkumpul di satu bahagian pakaian sahaja.

#### **3.2 Kelim lipat tindih**

Prestasi calon keseluruhan baik. Calon telah dapat menghasilkan kelim lipat tindih dengan jahitan mesin yang kemas dan lurus. Bahagian dalam kelim telah dikemaskan dengan balutan sendiri dengan kemas dan jahitan sembat disetiap mata jahitanmesin elok. Lebar balutan sendiri sesuai seperti yang dikehendakki.ujian Sebilangan calon tidak dapat membuat kelim dengan teknik yang betul kerana kelim telah dibuat dengan cara kelim belah kangkong dan dijahit tindih disebelah atas. Mata jahitan sembat pada balutan sendiri tidak dibuat dengan kemas pada setiap mata jahitan mesin. Saiz balutan sendiri terlalu besar dan tidak kemas dan terburai.

#### **3.3. Lapik belah**

Prestasi calon keseluruhan cemerlang. Lapik telah dibuat mengikut ukuran yang tepat,lurus dan rata. Lapik dalam telah dilekatkan dengan rata dan lapik telah ditetapkan dengan kemas. Bahagian hujung lapik telah dijahit penjuru dengan baik. Sejumlah kecil sahaja calon yang tidak dapat membuat lapik dengan baik kerana lapik dalam tidak dilekatkan dengan rata, ukuran lebar lapik tidak sama dan tepi lapik tidak ditetapkan dengan betul.

#### **3.4. Kolar lurus**

Prestasi calon keseluruhan adalah baik. Kolar lurus telah dijahit dengan teknik yang dikehendakki . Bentuk kolar tepat,rata dan kemas. Lapik dalam pada kolar telah dilekatkan dengan baik. Kolar telah dicantumkan ke garis leher tepat di garis pemadan.

Jahitan jelujur yang digunakan untuk menetapkan kolar sesuai dan kemas. Sejumlah kecil calon sahaja yang tidak dapat membuat kolar dengan betul. Bentuk kolar tidak sama dengan saiz pola, hujung kolar tidak tajam, lapik dalam tidak dilekatkan dengan rata, cantuman tidak tepat digarisan pemadan leher dan jahitan jelujur kasar dan longgar, basi kelim tidak ditrim dan cantuman kolar kegaris leher berkedut.

### **3.5 Kelim belah kangkong**

Prestasi calon keseluruhan cemerlang. Kelim dijahit dengan kemas, ditekan buka, dan rata. Sejumlah kecil calon tidak menekan kelim dengan rata.

### **3.6 Lengan pendek padanan rata.**

Prestasi calon keseluruhan baik. Lengan telah dijahit dengan kemas. Bahagian kepala lengan telah diseratakan dengan elok dan telah berjaya mendapat bentuk yang dikehendaki. Kelepet hujung lengan telah dibuat mengikut ukuran yang telah ditetapkan, ukuran panjang lengan tepat seperti pola yang disediakan dan cantuman lengan rapat digaris pemadan.

#### **Kesilapan yang seringkali ditemui**

Sebilangan kecil calon tidak dapat membuat lengan dengan betul. Jahitan mesin dihujung lengan tidak lurus, mata jahitan mesin longgar, kelim lengan tidak bertemu dengan kelim bahu, bahagian kepala lengan tidak diseratakan dengan elok dan bentuk tidak betul dan cantuman lengan ke keruk lengan tidak tepat di garis pemadan menyebabkan ia berkedut.

### **3.7 Kelepet**

Prestasi calon keseluruhan cemerlang. Kelepet dijahit lurus, lebar kelepet tepat 3 cm, tepi kelepet dikemaskan dengan baik dan jahitan jelujur kemas. Kelepet tidak lurus, lebar tidak sama, ukuran kurang dari 3 cm, tepi kelepet tidak dikemaskan dengan elok dan tidak ditetapkan dengan baik.

## **4. Menjahit mengikut stail**

Prestasi calon cemerlang. Semua calon yang berjaya menyiapkan projek telah menjahit bahagian kanan blaus seperti yang dikehendaki, tiada kesan kotor dan tergunting. Sejumlah kecil calon sahaja tidak dapat mencantumkan projek dengan lengkap. Bahagian yang tidak dicantumkan ialah kolar dan lengan. Dengan itu bahagian kanan pakaian tidak dapat diperolehi.

## **SARANAN KEPADA CALON**

Secara keseluruhannya calon boleh mencapai keputusan yang cemerlang dalam mata pelajaran amali. Beberapa saranan boleh diamalkan untuk meningkatkan prestasi.

1. Mengenalpasti setiap proses jahitan dengan betul seperti Kelim Belah Kangkung, Kelim Lipat Tindih, kelepet, belah dan penghilangan gelembung.
2. Banyakkan latihan membuat setiap proses jahitan mengikut ciri yang tepat, cepat dan kemas menggunakan teknik menjahit yang betul.
3. Menguasai teknik memahami kehendak dan menjawab soalan.

4. Memahami dengan jelas setiap arahan soalan supaya tidak membuang masa semasa membuat ujian amali dengan membuat perkara yang tidak diperlukan oleh ujian.

Contoh.

Calon telah menetapkan kelepak dengan lengkap walaupun telah disebut dengan jelas pada soalan **kelepak ditetapkan dengan jelujur sahaja**. Dengan ini calon telah membuang masa membuat perkara yang tidak diuji sedangkan masa itu boleh digunakan untuk membuat ujian lain dengan lebih terperinci.

5. Membuat banyak latihan amali (3 jam) berpandukan soalan tahun terdahulu supaya dapat membuat anggaran masa bekerja dengan baik dan memahirkan diri dengan keadaan peperiksaan amali sebenar dan dapat meningkatkan mutu hasil kerja.

### **SARANAN KEPADA GURU**

1. Sentiasa mengemaskini pengetahuan dan kemahiran sendiri dalam bidang berkaitan.
2. Guru mesti memahirkan diri dengan teknik memahami soalan supaya dapat disampaikan kepada calon dengan jelas dan tepat.
3. Guru perlu memberi banyak latihan amali menjahit proses jahitan dengan teknik.
4. yang betul supaya murid menjadi mahir, cekap dan cepat semasa bekerja.
5. Sentiasa memberi bimbingan dan tumpuan yang lebih kepada calon yang lemah supaya mereka juga boleh membuat ujian dengan baik.
6. Pastikan semua tajuk dalam sukatan pelajaran tingkatan 4 dan 5 dihabiskan supaya calon tidak ketinggalan dimana-mana bahagian.